

KERJA BAIK PULIH RUMAH PAM KOBAT: GANGGUAN BEKALAN AIR TIDAK BERJADUAL DI DAERAH KUANTAN MULAI MALAM INI



KENYATAAN MEDIA
Siaran Segera

KERJA-KERJA SEGERA BAIK PULIH DAN PENYELENGGARAAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PAM KOBAT, KUANTAN

NOTIS GANGGUAN BEKALAN AIR TIDAK BERJADUAL PAIP DAERAH KUANTAN

Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) ingin memaklumkan pelaksanaan kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan kesemua instrumen penting di Rumah Pam Kobat, Daerah Kuantan. Kerja-kerja ini perlu dilakukan segera sebagai pencegahan awal dan bagi mengelakkan mudarat terhadap pengoperasian loji pada skala yang lebih besar di masa akan datang.

Pelaksanaan kerja-kerja ini akan menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual yang melibatkan beberapa kawasan di Daerah Kuantan **bermula pada jam 11.00 malam, 9 Julai 2025 (Rabu) dan akan berakhir pada jam 11.00 pagi 10 Julai 2025 (Khamis).**

Kerja-kerja penyelenggaraan ini dijangka akan mengambil masa tempoh selama 12 jam dan pihak PAIP akan berusaha sebaik mungkin untuk meminimakan tempoh gangguan tersebut. Sebagai persediaan kerja-kerja awalan telah dilaksanakan untuk memastikan tempoh gangguan yang minima. Senarai kawasan yang dijangkakan akan mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual adalah seperti berikut:

KUANTAN, 9 JULAI 2025 : Penduduk di beberapa kawasan sekitar daerah ini bakal berdepan gangguan bekalan air tidak berjadual bermula jam 11.00 malam ini hingga jam 11.00 pagi esok berikutan pelaksanaan kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan segera di Rumah Pam Kobat.

Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) dalam satu kenyataan memaklumkan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut melibatkan pemeriksaan dan baik pulih kesemua instrumen penting di rumah pam berkenaan dan perlu dilaksanakan segera sebagai langkah pencegahan awal bagi mengelakkan kerosakan yang lebih besar terhadap pengoperasian loji pada masa akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif PAIP, Dato' Saiful Zaini Mohd Bokhari berkata, kerja-kerja penyelenggaraan itu dijangka mengambil masa selama 12 jam dan pihaknya akan berusaha sedaya upaya bagi meminimumkan tempoh gangguan.

Menurutnya, persediaan awal turut dilaksanakan bagi memastikan gangguan dapat dikawal sebaik mungkin.



KENYATAAN MEDIA
Siaran Segera

KERJA-KERJA SEDERA BAIK PULIH DAN PENYELONGGARAAN SERTA KIRALIA KERJA BERKAITAN DI RUMAH PAM KOBAT, KUANTAN

NOTISI GANGGUAN BEKALAN AIR TIDAK BERJADUAL PAIP-DAERAH KUANTAN

Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) ingin memaklumkan pelaksanaan kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan kesemua instrumen penting di Rumah Pam Kobat, Daerah Kuantan. Kerja-kerja ini perlu dilakukan segera sebagai pencegahan awal dan bagi mengelakkan masalah terhadap pengaliran air pada skala yang lebih besar di masa akan datang.

Pelaksanaan kerja-kerja ini akan menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual yang melibatkan beberapa kawasan di Daerah Kuantan bermula pada jam 11.00 malam, 9 Julai 2025 (Rabu) dan akan berakhir pada jam 11.00 pagi 10 Julai 2025 (Khamis).

Kerja-kerja penyelenggaraan ini dijangka akan mengambil masa tempoh selama 12 jam dan pihak PAIP akan berusaha sedaya mungkin untuk meminimumkan tempoh gangguan tersebut. Sebagai persediaan kerja-kerja awam telah dilaksanakan untuk memastikan tempoh gangguan yang rendah. Berikan kawasan yang dijangka akan mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual adalah seperti berikut:

Kawasan 1 (Gedung 1)

- Seluruh kawasan Berserah sehingga Sempadan Chendor termasuk MCKIP, Maritim, Bandar Damansara, Taman Dato' Rashid, Batu Hitam, Kampung Darat Sekolah, Jeram, Sungai Karang Maju, Aspa Cottage, Jabor, Sungai Karang, Chengal Lempong, Balok, Seberang Balok, Sungai Ular, Pelabuhan, Cherating dan Kubang Ikan.
- Seluruh kawasan Gebeng Industri (FASA I, II, III, MCKIP) dan seluruh kawasan Peribukitan.
- Seluruh kawasan Jalan Jabor, Harengan Alor Batu, Jabor, Jalan Semambu, Politeknik Semambu, kawasan perumahan Semambu, kawasan Industri Semambu, seluruh kawasan lot / kamal Jalan Tengku Muhammad, Pelitong, Jalan Tengku Muhammad, Pejabat Ukur, Jalan Berserah, kawasan Alor Akar, Sri Kuantan, Kubang Buaya, seluruh lot / tanah Jalan Teluk Sisek, Teluk Chempedak, Istana Mahkota Teluk Sisek, Tanjung Api, Taman Gelora, Padang Lalang, Tanjung Api, Taman Selamat, Tembeling Resort, dan Kelab Golf Diraja.
- Seluruh kawasan Bukit Selek, Jalan Dato' Ubi, Jalan Kembara, Taman Bukit Ubi, Taman Sungai Chera, Jalan Lim Hoo Lek, Jalan Haji Ahmad, Gelang, Selat dan Air Pulih.
- Seluruh kawasan Taman Pelandok, Bukit Belat, Jalan Bukit Gelang, Bukit Gelang, dan Dendasewah.
- Seluruh kawasan RHP Bukit Goh, Bukit Goh Goh 2, Bukit Goh Perdana, Bukit Kuantan, dan sebahagian Tanjung Piai.
- Seluruh kawasan Istana Mahkota (M), Hg Tron, Taman Perdana, Taman Shanzar, Taman Radaman, KCBTUR, Pejabat Daerah dan Tanah, SSP, Bui Pejabat PAIP, Temerin, Bandar, Bonda Rd, dan WAD.

Kawasan 2 (Gedung 2)

Bekalan air dijangka akan mula dialirkan kepada pengguna secara berperingkat setelah kerja-kerja penyelenggaraan siap sepenuhnya dan seterusnya sistem aliran bekalan air akan stabil. Tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan-kawasan yang terjejas juga adalah berbeza bergantung kepada jenis lokasi pengguna dan kawasan pada sistem aliran bekalan air.

Orang yang dikenali, PAIP juga akan menyediakan bantuan alternatif melalui lot tempoh air kepada pengguna dengan kesedaran diberikan kepada pemakluman kritikal seperti hospital, klinik, pusat data dan pusat bekalan yang memerlukan bekalan air secara berterusan.

Justeru itu, PAIP berharap dengan persediaan awal ini dapat memberikan persediaan awal kepada pengguna untuk menyimpan bekalan air semakmunya dan menggunakan air secara berhemah sepanjang tempoh gangguan bekalan air tidak berjadual ini.

PAIP amat menghargai kesabaran yang dalam diri pengguna dan memberi jaminan bahawa segala usaha sedang dijalankan bagi memastikan kerja-kerja baik pulih yang akan dijalankan berjalan lancar seperti dirancang dan mematuhi standard dan seliaan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Pengguna yang mempunyai sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian Pusat Khidmat Pelanggan (PULAPEL) di talian 09-675 3955 yang beroperasi antara 10 jam sehari bermula jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dato' Saiful Zaini Mohd Bokhari
Ketua Pegawai Eksekutif

Kenyataan Media PAIP
9 Julai 2025 | 9.09 pagi

Antara kawasan yang dijangka terjejas termasuk seluruh kawasan Berserah sehingga sempadan Chendor meliputi MCKIP, Maritim, Bandar Damansara, Taman Dato' Rashid, Batu Hitam, Kampung Darat Sekolah, Jeram, Sungai Karang Maju, Aspa Cottage, Jabor, Sungai Karang, Chengal Lempong, Balok, Seberang Balok, Sungai Ular, Pelabuhan, Cherating dan Kubang Ikan.

Selain itu, kawasan industri Gebeng Fasa I, II, dan III, kawasan Pelabuhan, Jalan Jabor, Kampung Alor Batu Jabor, Jalan Semambu, Politeknik Semambu, kawasan perumahan dan industri Semambu, serta Jalan Tengku Muhammad turut terkesan.

Turut mengalami gangguan ialah kawasan Teluk Sisek, Pejabat Ukur, Jalan Berserah, Alor Akar, Sri Kuantan, Kubang Buaya, Teluk Chempedak, Istana Mahkota Teluk Sisek, Tanjung Api, Taman Gelora, Padang Lalang, Taman Selamat, Tembeling Resort dan Kelab Golf Diraja.

Kawasan lain yang turut terlibat ialah Bukit Sekilau, Jalan Bukit Ubi, Jalan Kenanga, Taman Bukit Ubi, Taman Sungai Charu, Jalan Lim Hoe Lek, Jalan Haji Ahmad, Galing, Setali, Air Putih, Taman Fairmount, Bukit Beirut, Jalan Bukit Setongkol, Bukit Setongkol dan Cenderawasih.

Tidak ketinggalan, kawasan RTP Bukit Goh, Bukit Goh Gen 2, Bukit Goh Perdana, Bukit Kuantan, sebahagian Tanjung Pasir, Indera Mahkota, Kampung Tiram, Tiram Perdana, Taman Shahzan, Taman Radiance, KOMTUR, Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan, SBPI, Ibu Pejabat PAIP, Terminal Sentral, Bomba Indera Mahkota dan Widad turut tersenarai antara kawasan terlibat.

Katanya lagi, bekalan air dijangka akan disalurkan kepada pengguna secara berperingkat setelah kerja-kerja selesai dan sistem agihan air distabilkan. Bagaimanapun, tempoh pemulihan bekalan mungkin berbeza mengikut jarak lokasi dan tekanan dalam sistem agihan air.

“Sehubungan itu, PAIP akan menyediakan bantuan alternatif melalui penghantaran lori tangki air dengan keutamaan diberikan kepada premis kritikal seperti hospital, klinik, pusat dialisis dan premis lain yang memerlukan bekalan air secara berterusan.

“PAIP berharap pemakluman awal ini dapat memberikan ruang kepada pengguna untuk membuat persediaan dengan menyimpan air secukupnya dan menggunakan air secara berhemah sepanjang tempoh gangguan.

“PAIP juga memberi jaminan bahawa segala usaha sedang digiatkan agar kerja-kerja penyelenggaraan ini berjalan lancar dan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN),” katanya.

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Pusat Khidmat Pelanggan (PULAPEL) menerusi talian 09-573 9999 yang beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.-PAHANGMEDIA